

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Dr. Ismail Bin Daut [Merbok]

TARIKH : 19 MAC 2018 (ISNIN)

SOALAN : 42

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah sistem MERS 999 yang sedia ada adalah sistem yang terbaik. Ini kerana sistem yang sedia ada masih mempunyai kekurangan daripada segi penyampaian. Apakah penambahbaikan yang perlu dilakukan jika sistem berkenaan masih ditahap yang sama

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem MERS 999 yang ada pada masa ini adalah sistem yang terbaik yang diguna pakai di negara kita. Sistem ini membantu penyampaian maklumat kecemasan daripada pemanggil kepada 5 agensi kecemasan iaitu Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam dan Maritim Malaysia.

Sebelum adanya Sistem MERS 999, maklumat dihantar hanya secara sambungan telefon di mana pemanggil akan bercakap dengan agensi kecemasan dan agensi kecemasan merekodkan atau menulis secara manual dengan menulis di dalam buku log.

Melalui kaedah ini, kesilapan petugas atau "*human error*" boleh berlaku dan menimbulkan masalah sekiranya:

1. Berlaku kesilapan dalam merekodkan atau ketika menulis maklumat kejadian di dalam buku log.
2. Maklumat sukar untuk dibaca disebabkan maklumat yang ditulis secara cepat ketika mendapat panggilan kecemasan.
3. Buku log hilang atau *misplaced*.

Dengan adanya Sistem MERS 999 ini, maklumat kecemasan akan dikumpulkan secara sistematik dan segala data adalah tepat serta boleh diperolehi pada bila-bila masa untuk pelaporan, kajian dan membuat keputusan. Di samping itu, data juga boleh disimpan secara digital lebih dari 10 tahun dan boleh dikeluarkan kembali mengikut kesesuaian.

Penyampaian maklumat kecemasan juga boleh disampaikan secara digital kepada agensi kecemasan secara lebih tepat dan agensi kecemasan boleh melihat tempat kejadian di dalam peta digital dan boleh sampai ke tempat kejadian dengan lebih cepat. Maklumat kecemasan juga boleh disalurkan dengan lebih pantas melalui rangkaian kabel optik gentian ("*fibre optic cable*") yang dibangunkan oleh Telekom Malaysia.

83

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat Oktober 2017, aplikasi **SaveMe 999 Deaf** telah digunakan sebanyak 711 kali sejak dilancarkan pada tahun 2013. Manakala aplikasi **SaveMe Blind 999** telah digunakan sebanyak 184 kali walaupun ianya telah dilancarkan pada Februari 2017. Aplikasi **SaveME 999 Polis** yang juga telah dilancarkan pada Februari 2017 telah digunapakai sebanyak 241 kali. Statistik ini menunjukkan aplikasi ini sangat berguna dan membantu di dalam menghadapi bencana atau kecelakaan di luar jangkauan.

Kementerian bersama dengan TM sentiasa melaksanakan proses penambahbaikan penyampaian perkhidmatan kecemasan dengan mengambilkira maklumbalas dari orang awam. Ini termasuklah penambahbaikan dari aspek naziran (*Governance*) yang merangkumi proses kerja, sistem teknologi dan rangkaian serta kaedah penyebaran maklumat melalui kempen-kempen kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai.

SOALAN : 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN UGAK ANAK KUMBONG (HULU
RAJANG)**

TARIKH : 19 MAC 2018

RUJUKAN : 10592

SOALAN :

**PR-1361-L04395 Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang]
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sekiranya pihak
Kementerian bercadang untuk membina balai polis di Pekan Sungai
Asap, Belaga.**

85

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, Pondok Polis Sungai Asap sedang beroperasi secara sewaan di bangunan rumah kedai (dua tingkat) beralamat di No. 1070, sublot No. 10, Blok 26, Punan Land District, Local Centre 1, Sungai Asap, Belaga dengan kadar sewaan RM3,000 sebulan [keluasan pelan lantai 40 kaki x 22 kaki] tanpa kemudahan kuarters [anggota Balai menyewa luar]. Balai ini beroperasi dengan keanggotaan seperti berikut :

Sarjan	-	1 orang
Koperal	-	1 orang
Lans Koperal	-	2 orang

Cadangan tapak projek telah pun dikenalpasti iaitu di Lot 1135, Block 26, Punan Land District dan proses pemilikan tanah sedang diusahakan. Projek hanya akan dipohon setelah isu tanah diselesaikan.